



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JB/21/2022

Tajuk Sebut Harga :

**PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA TERBUKA BAGI MELAKSANAKAN CADANGAN PEMBINAAN
LAPAN (8) UNIT GERAI PENJAJA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN KAJANGAN,
PRESINT 6, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor / Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G3, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) dan Kategori : B – Pengkhususan B04 (Kerja Am Bangunan)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. **Kontraktor/Syarikat Bumiputera adalah DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada **14 NOVEMBER 2022 (ISNIN)**, jam **10.00** pagi di **Bilik Mesyuarat Cemara (C5)**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **14 NOVEMBER 2022 (ISNIN)** hingga **16 NOVEMBER 2022 (RABU)** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada **Kontraktor/Syarikat** yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **21 NOVEMBER 2022 (ISNIN)**.
6. **Kontraktor / Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)

NAIB PRESIDEN
Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya